

# UMS perlu mainkan peranan lebih luas - Juhar

UM 07.12.2011 26

KOTA KINABALU 6 Dis. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu memainkan peranan lebih luas, tidak terhad kepada fungsi penyampaian ilmu semata-mata.

Sehubungan itu, Canselor UMS, Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin menegaskan, warga universiti itu perlu proaktif dalam menyumbang kepada kemajuan negeri.

"Para ilmuwan UMS perlu membahagikan masa mereka secara saksama kepada pengajaran dan bidang yang amat penting iaitu penyelidikan, penciptaan dan inovasi.

"Ini penting kerana sesuatu tamadun itu akan dapat bertahan hanya jika ilmu yang dimiliki oleh warganya dapat dimanfaatkan menerusi gaya hidup moden, berteknologi, teratur dan murni," katanya pada majlis Konvokesyen Ke-13 UMS di Dewan Canselori di sini baru-baru ini.

Seramai 4,484 graduan dianugerahkan ijazah masing-masing pada majlis tersebut.

Dalam pada itu, Juhar berkata, para graduan harus pandai menyesuaikan diri dan mengaplikasi ilmu yang dimiliki bagi mengha-

dapi persaingan sengit dalam pasaran pekerjaan.

Selain itu, katanya, para mahasiswa juga harus mempunyai ketahanan diri dan mental yang kuat untuk menghadapi pelbagai cabaran yang bakal mendatang.

"Kejayaan memperoleh ijazah adalah langkah awal ke arah dunia di luar universiti di mana anda semua akan mula menyesuaikan diri dalam kalangan masyarakat selepas ini.

"Ijazah yang anda pegang itu merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mencapai keja-

yaan yang lebih besar di masa hadapan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada bekas Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Shah Abdullah yang juga bekas Canselor UMS amat bertepatan dengan sumbangan Ahmad Shah dalam pembangunan UMS dan negeri ini.

Ujarnya, dengan keprihatinan Ahmad Shah, UMS terus berada pada landasan yang betul dan mencapai pelbagai kejayaan yang boleh dibanggakan di dalam dan juga luar negara.